

Teks ucapan  
Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM  
di Majlis Pelancaran "Intel Elite Programme" KUKUM Di Dewan Capitol  
Pada 23 September 2006

Bismillah hirrahman nirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan & Inovasi).

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM.

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Johari Adnan, Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan) Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik.

Dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan.

Yang Saya Hormati, Wakil Dari Intel, En. Parid Mohd. (Product Engineering Manager), En. Vincent Cheng Chin Kiok (Validation Engineering Manager), En. Yazid Misnan (Staffing Operation Manager), Cik Sheena Monteiro (Staffing Consultant), Dan En. Syed Amri Abd. Manan (Senior College Program Consultant).

Pensyarah-pensyarah, pengawai-pegawai latihan vokasional,

Staf-staf KUKUM dan mahasiswa-mahasiswi tahun akhir KUKUM yang dikasihi.

Bersyukur kita ke hadrat llahi atas limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini di majlis pelancaran Program Intel Elite KUKUM dan ceramah kerjaya anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, dengan kerjasama Kelab Mikroelektronik.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin terutamanya kepada wakil Intel Technology (M) Sdn. Bhd. yang menghadirkan diri ke majlis ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa program ini yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas usaha gigih dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan semua dalam merancang, menyusun dan seterusnya menzahirkan program ini.

Hadirin hadirat sekalian

Pagi ini kita akan melancarkan secara rasminya Program Intel Elite peringkat KUKUM yang mana sebelum ini IEP telah dilaksanakan di UiTM pada Julai 2005 dan pada December 2005 di UTM. Program ini adalah program yang bercorak pembangunan 'soft-skills' dan 'technical' oleh pihak Intel Technology (M) Sdn. Bhd. kepada mahasiswa universiti khususnya dalam bidang pengajian yang menjadi keutamaan bagi tenaga kerja Intel iaitu microelectronics /electronics. Bagi saya program ini sejahter dengan keperluan masa kini negara iaitu Institut Pengajian Tinggi perlu menekankan kepentingan keperluan kemahiran insaniah atau 'soft-skills' yang dilihat sebagai penyumbang yang kritikal dalam menjana modal insan yang menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global.

Menerusi program ini beberapa latihan telah dirancang dan akan ditempuh oleh para pelajar seperti: *Techincal Talk, Career Talk, Soft Skill Training, Boot Camp in Intel, Workshop/Forums (at Intel or KUKUM), Final Year Project Mentoring dan Intership/GT*. Saya berharap menerusi program ini para pelajar dapat meningkatkan keprihatinan pelajar terhadap peluang dan senario kerjaya apabila bergraduan kelak terutamanya di Intel dan juga di sektor-sektor industri semikonduktor. Malah program ini juga dapat membantu mengurangkan masa latihan bagi jurutera baru di dalam sesuatu sektor industri.

Sebagai permulaan program Intel Elite akan mengadakan ceramah kerjaya kepada semua pelajar tahun 4 KUKUM iaitu "resume writing & interview tips". Ceramah sebegini penting kerana menerusinya para pelajar akan memperolehi maklumat mengenai cara penulisan resume dan etika temuduga. Pendedahan sebegini penting kepada pelajar tahun akhir KUKUM yang akan bergraduat dan sebagai persediaan awal kepada semua pelajar tahun akhir KUKUM sebelum mereka menghadapi hari kerjaya KUKUM 2007 & kursus etika sosial (kursus wajib rakan pendamping siswa KUKUM) pada semester II sidang 2006/2007.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, adalah diharapkan menerusi Program Intel Elite, hasrat KUKUM untuk melahirkan jurutera abad ke-21 dapat dicapai dengan jayanya di samping menjadi landasan berpotensi pemyumbang dan meningkatkan kualiti dan kredibiliti graduan yang bakal dihasilkan. Harapan saya kepada para pelajar yang mengikuti program ini agar menggunakan peluang yang telah diberikan ini untuk menyediakan diri mereka dalam suasana kerjaya yang semakin mencabar. Semoga Program Intel Elite yang pada permulaannya berpengkalan di PPK Mikroelektronik dapat diperluaskan lagi ke PPK lain di KUKUM – sejajar dengan keperluan kerjaya di Intel. Saya berharap semoga pelajar yang terpilih dalam intel elite programme ini mampu mengekalkan Pngk lebih 3.00 sekaligus menjadi pelajar "kumpulan elit" di KUKUM.

Dengan lafaz Bismillahhirahmanirhhim, Saya dengan ini melancarkan "Program Intel Elite" KUKUM. Sekian, Terima Kasih.